

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (KBM) 2022 EDISI BORNEO (SARAWAK, SABAH DAN LABUAN)

KUCHING, 12 November 2022 – Siri ketiga dan terakhir **Karnival Barangan Malaysia (KBM2022)** bagi tahun **2022** anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah dilaksanakan bermula 11 hingga 13 November 2022 bertempat di Perkarangan Kuching Waterfront, Sarawak.

2. Kesenambungan pelaksanaan KBM2022 yang bermula di Ipoh, Perak pada 30 September hingga 2 Oktober dan juga di Johor Bahru pada 14 hingga 16 Oktober yang lalu merupakan **bukti komitmen kerajaan yang berterusan dalam memartabatkan barangan Malaysia supaya menjadi pilihan utama kepada rakyat Malaysia dalam membuat keputusan ketika berbelanja dan membeli belah.**

3. Kementerian menjangkakan KBM2022 di Kuching terus mendapat sokongan daripada pengusaha-pengusaha barangan tempatan dan juga pengunjung di mana sebanyak 60 pempamer tempatan terlibat dalam karnival tiga hari ini dan di masa yang sama Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) turut diadakan serentak di lokasi dan masa yang sama.

4. Perasmian KBM2022 Edisi Borneo yang meliputi Sarawak, Sabah dan Labuan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Negeri Sarawak pada hari ini merupakan usaha Kerajaan menggarap penyertaan usahawan di tiga wilayah ini secara inklusif dalam mencapai objektifnya iaitu **untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan Keluarga Malaysia terhadap barangan Malaysia; merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan; meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti barangan Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa; membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka; dan meningkatkan integrasi nasional seluruh rakyat Malaysia.**

5. Keberkesanan kempen ini dapat dilihat apabila rakyat memberikan keutamaan terhadap barangan Malaysia menerusi *trend* peningkatan jualan bermula tahun 2019 sehingga 2021 di mana **pada tahun lepas mencatatkan sebanyak RM142 juta jualan dan 1,070,340 jumlah Stock-Keeping-Unit (SKU) melalui *marketplace*, manakala rekod di pelbagai rangkaian *hypermarket*, pasaraya, kedai serbaneka dan kedai serbaneka di stesen minyak pula telah mencapai jualan sebanyak 173,239 SKU dan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM3.08 billion.**

6. KPDNHEP ingin menyeru agar Keluarga Malaysia mendukung pemulihan ekonomi negara dengan terus menyokong slogan “**Juh Sapot Beli Barang Lokal**”, “**Jom Sokong dan Beli**” dan sentiasa membuat pilihan yang tepat dengan membeli serta memilih barangan Malaysia yang sememangnya berkualiti dan setanding dengan produk-produk antarabangsa. Impak berbelanja secara berhemah dengan pilihan yang

tepat mengikut keperluan akan menyebabkan kitaran ekonomi kembali aktif dan melimpah dalam manfaat kepada negara dan rakyat terutama memastikan wang negara tidak mengalir ke luar negara dan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia sentiasa terjamin.

7. Untuk makluman, dari 15 Ogos 2022 sehingga 31 Oktober 2022, KPDNHEP Sarawak telah melaksanakan JMKM di 344 lokasi meliputi semua 82 DUN di Sarawak. Jumlah pengunjung dianggarkan seramai 309,600 orang dengan jualan mencecah RM10.7 juta. Maklumbalas orang ramai amat menyambut baik dan meminta JMKM ini diteruskan secara berkala serta mengakui bahawa harga yang ditawarkan lebih murah dan dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat dalam situasi sekarang ini.

8. KPDNHEP berharap agar Keluarga Malaysia dapat turun beramai-ramai ke KBM2022 dan JMKM di Waterfront Kuching dalam memeriahkan lagi Karnival ini disamping menyokong produk-produk usahawan tempatan dan secara tidak langsung dapat memulihkan kembali ekonomi negara.

**Juh Sapot Beli Barang Lokal
Jom Sokong dan Beli Barangan Malaysia
Barang Baik, Barang Kita**

Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwai Pengguna
KUCHING, 12 November 2022

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

